



SEBAHAGIAN pelawat yang mengunjungi tapak pameran eUNDI USIM.



KAKITANGAN dan pelajar Pusat Pengurusan Ilmu dan Teknologi Maklumat USIM menunjukkan pingat yang dimenangi dalam MTE 2009 di PWTC, baru-baru ini.

USIM rangkul dua pingat di ekspo teknologi

USIA muda sesebuah universiti bukanlah penghalang mencipta kejayaan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Inilah yang dibuktikan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) apabila universiti itu merangkul dua pingat Anugerah Inovasi dan Ciptaan 2009 sempena Ekspo Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (MTE) 2009 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), baru-baru ini.

Pameran itu anjuran Persatuan Penyelidik Saintis Malaysia (MARS).

USIM yang diwakili oleh Pusat Pengurusan Ilmu dan Teknologi Maklumat (PPITM) merangkul pingat perak untuk Sistem Pemilihan Majlis

Perwakilan Pelajar (eUNDI) dan gangsa untuk Sistem Paparan Graduan (U-Grads).

Sebanyak 23 kategori telah dipertandingkan di dalam pertandingan ini yang melibatkan penyertaan dari pelbagai agensi.

eUNDI merupakan sistem pengundian secara elektronik yang digunakan untuk membuat pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Ia mula dibangunkan oleh Unit Aplikasi Pelajar Bahagian Teknologi Maklumat, PPITM pada bulan Julai 2006. Bahagian Hal Ehwal Pelajar merupakan pengguna utama sistem ini. Ia digunakan buat pertama kali pada pemilihan MPP pada 21 September 2006.

Objektif utama sistem ini adalah

memudah dan mempercepatkan proses pemilihan di peringkat universiti di samping mengadaptasi dan memperluaskan penggunaan kad pintar di kalangan pelajar-pelajar USIM.

Di samping itu, tenaga kerja dalam mengira undi dan penggunaan kertas dapat dikurangkan secara maksimum.

Modul-modul yang terdapat di dalam sistem ini adalah Modul Daftar Pemilih, Penamaan calon, Audit ICT, Kehadiran Pemilih, Pembuangan Undi, Kiraan Undi dan Modul Penyelenggaraan.

Bagi Sistem Paparan Graduan (U-Grad) pula, ia merupakan satu sistem informasi mengenai graduan yang dipaparkan ketika Upacara Majlis Konvokesyen berlangsung. Sistem ini kali pertama dibangunkan oleh Unit Integrasi dan

Inovasi, PPITM pada Julai 2007.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar merupakan pengguna utama bagi sistem ini dan kali pertama digunakan adalah semasa Majlis Konvokesyen kelima USIM pada 4 Ogos 2007.

Antara objektif sistem ini dibangunkan adalah memudahkan pengurusan majlis konvokesyen dan mengelakkan kesilapan paparan maklumat graduan.

Teknologi kad pintar digunakan untuk sistem ini dimana pelajar akan menyentuh kad pintar mereka pada pembaca kad yang disediakan.

Kemudian sistem akan menjana nombor graduan mengikut urutan dan maklumat mengenai graduan akan dipaparkan di paparan urusetia.